



**“Saya tidak akan menjadikan status OKU sebagai kekurangan untuk bersaing dengan pelajar normal lain”**

Nurul Najwa Khairunnisah

Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my

Serdang

**R**asa kecewa selepas gagal permohonan memasuki universiti awam (UA) negara ini tahun lalu terubat buat gadis kurang upaya (OKU) apabila dia terpilih memulakan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Nurul Najwa Khairunnisah Hassim, 22, yang cacat penglihatan akibat penyakit glaukoma ketika berusia 15 tahun antara 3,170 pelajar baharu terpilih mengikuti program Sarjana Muda Sesi 2017/2017.

Anak bongsu daripada tiga beradik ini berkata, dia teruja untuk memulakan pengajian selepas pernah kecewa kerana gagal mendapat tawaran memasuki UA tahun lalu.

“Selepas tamat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dalam jurusan sastera pada 2014, saya ada memohon masuk universiti pada 2015, tetapi tidak berjaya dan memo-hon sekali lagi tahun ini.

“Waktu itu memang kecewa apabila melihat rakan lain mendapat tawaran walaupun keputusan CGPA yang lebih rendah daripada saya yang memperoleh 3.09,” katanya ketika ditemui pada hari pendaftaran pelajar baharu UPM, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datin Dr Aini Ideris, Timbalan Naib Canselor

# ‘Pantang saya mengalah’

■ Pelajar OKU antara 3,170 terpilih mulakan pengajian di UPM sesi 2017

FOTO: Nurul Syazana Rose Razman



DR Aini Ideris (tiga dari kanan) beramah mesra dengan Nurul Najwa Khairunnisah (dua dari kiri) pada sesi pendaftaran masuk pelajar baru.

Naib Canselor Hal Eh-wal Pelajar dan Alumni Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Gadis berasal dari Kuala Terengganu ini berkata, dia tidak akan mensia-siakan peluang diberikan pihak UPM untuk mengikuti program empat tahun itu, sekali gus mencapai cita-cita menjadi guru Sastera Melayu.

**NURUL** Najwa Khairunnisah pada sesi pendaftaran masuk pelajar baru di UPM.

“Saya tidak akan menjadikan status OKU sebagai kekurangan untuk bersaing dengan pelajar normal lain, apatah lagi hari ini sudah banyak bahan bacaan yang mesra OKU buta seperti saya.”

“Selain mampu membaca bahan dalam bentuk braille, penggunaan komputer menggunakan perisian JAWS yang mampu menterjemah-

kan tulisan kepada suara juga banyak membantu,” katanya.

Sementara itu, Dr Aini berkata, secara keseluruhan UPM menerima 120,584 permohonan mengikuti program Sarjana Muda namun hanya dapat menyediakan tempat kepada 3,170 pelajar pada pengambilan sesi September 2016/2017.

“Disebabkan saingan yang begitu kompetitif, hanya 2.6 peratus atau 3,170 pelajar saja dapat dipilih mengikuti 73 program Sarjana Muda yang ditawarkan.

“Sembilan puluh peratus daripada pelajar yang kita pilih memperoleh CGPA 3.0 ke atas manakala 65 peratus lagi dengan keputusan CGPA melebihi 3.5,” katanya.